

# Perluas empayar

## Hai-O promosikan Garam Buluh ke pasaran Indonesia dan Thailand

>>Oleh Sri Ayu Kartikawati  
Amri

kartika@hmetro.com.my

**S**YARIKAT Hai-O Marketing Sdn Bhd (Hai-O) akan memperluaskan lagi empayar perniagaannya ke seluruh negara Asean bagi mempromosikan produk kesihatan, Garam Buluh dalam tempoh dua tahun lagi.

Pengurus Besarnya, Teoh Nee Siang berkata, sebagai permulaan Hai-O akan menembusi pasaran Indonesia dan Thailand memandangkan pihaknya sudah mempunyai rangkaian di negara terbabit tetapi dalam skala kecil.

Beliau berkata, pihaknya juga menyasarkan peningkatan dua angka dalam jualan Garam Buluh menjelang lima tahun akan datang berbanding pertumbuhan tahunan sekitar 15 hingga 20 peratus yang dicatatkan ketika ini.

“Produk Garam Buluh yang dipasarkan Hai-O adalah bermutu tinggi dan dikeluarkan oleh pengeluar Garam Buluh bertaraf dunia



FOTO | Khairull Azry Bidin

**MERETAI**  
...Tan (kiri) menukar dokumen perjanjian dengan Jung sambil diperhati Osman di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya, semalam.

dari Korea Selatan bagi kesinambungan kesihatan terbaik apabila ia dihasilkan daripada air laut pantai barat Korea Selatan yang tidak tercemar dan dijaga rapi oleh pihak berkuasa di sana.

“Sejak produk ini diperkenalkan di negara ini pada 2007, ia sudah mencatat jumlah jualan 14,000 kotak

sebulan berbanding hanya 200 kotak pada awal pengenalannya,” katanya pada sidang media di majlis menandatangani perjanjian bersama antara Hai-O dan Kaeam Food Corporation (KFC) dari Korea Selatan di Subang Jaya, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Hai-O, Tan Sri Osman S Cassim; Pe-

ngarah Urusan Hai-O, Tan Kai Hee dan Pengarah Urusan KFC, Jung Lak Hyun.

Teoh berkata, Hai-O turut berjaya merekodkan sebanyak RM20 juta bagi pendapatan tahunan menerusi jualan Garam Buluh dan menyumbang kira-kira 10 peratus kepada jumlah perolehan syarikat.